

SH 7/1/2018 m/s 19

Nelayan perlu waspada ketika musim laut bergelora: APMM

PASIR PUTEH - Nelayan di Kelantan perlu melengkapkan diri dengan perlatan keselamatan dan bekalan makanan yang mencukupi jika mereka ingin keluar menangkap ikan ketika musim laut bergelora sekarang.

Pengarah Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kepten Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, walau-pun keadaan ombak laut kembali pulih dengan ketinggian antara 1 hingga 1.5 meter namun mereka perlu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan kerana tengkujuh masih belum berakhir.

"Nelayan masih perlu berwaspada dengan menyediakan jaket keselamatan, bekalan makanan yang mencukupi, enjin yang sentiasa diservis serta bot yang mampu bertahan ketika dilambung ombak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada



NURUL HIZAM

pemberita selepas menziarahi bekas pemberita sambilan Ramli Hussin yang terlantar sakit selepas diserang angin ahmar dua minggu lepas di rumahnya di Kampung Merkang di sini, semalam.

Nurul Hizam berkata, aset-aset APMM akan terus menjalankan tanggungjawabnya untuk meronda perairan

Kelantan selama 24 jam sehari walaupun keadaan laut bergelora.

Beliau berkata selain menjaga keamanan perairan negara daripada dicerobohi anasir luar, ia juga bertindak untuk menjaga keselamatan nelayan tempatan ketika mereka keluar mencari rezeki.

"Orang ramai turut dinasihat untuk mengurangkan sebarang aktiviti di kawasan tepi pantai kerana dibimbangi kejadian ombak besar yang boleh berlaku secara tiba-tiba yang boleh mengancam keselamatan mereka ketika berada di gigi air," katanya.